

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 22 MEI 2016

13 Mei 2016
MBSA pupuk amalan kitar semula

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Masjid dan Surau Lestari (Go Green), baru-baru ini bagi memupuk amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, majlis yang diadakan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong itu membantu menerapkan amalan kitar semula sisa buangan

bahan dapur dan sisa makanan kepada bahan yang lebih berfaedah dalam kalangan penduduk sepanjang Ramadan.

"Selain itu, ia menggalakan pengurangan penggunaan bekas makanan polistirena serta bahan yang tidak mesra alam," katanya.

Jelasnya, peserta turut terlibat sesi demonstrasi dan dibawa melawat ke kawasan sedia mengamalkan amalan kitar semula sisa buangan bahan dapur dan sisa makanan.